

**Ucapan YBhg. Profesor Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan, Naib Canselor  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Sempena Majlis Anjung Bitara  
pada 29 Jun 2009 jam 3.00 petang bertempat di Hotel Equatorial  
Melaka**

Terima kasih yang berusaha Puan Pengerusi Majlis.

Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera

Yang Amat Berhormat, Datuk Seri Mohd Ali bin Rustam, Ketua Menteri  
Melaka,

Yang Berhormat, Datuk Yaakub Md Amin, Pengerusi Jawatankuasa Negeri  
Pelajaran, Sains dan Teknologi dan Sumber Manusia Negeri Melaka,,

Yang Berbahagia, Datuk Jaafar Lajis, Yang Dipertua MUBARAK Negeri  
Melaka,

Yg Berbahagia Dato' Profesor Dr Mohd Nor Husain, Timbalan Naib  
Canselor Akademik dan Antarabangsa,

Yg. Berbahagia, Datuk Profesor Madya Dr Abu Bakar Mohamad Diah,  
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi,

Yang Berusaha, Dr. Hazmilah Hasan, Pengarah Penerbit Universiti.

Tan Sri-Tan Sri dan Datuk-datuk ahli MUBARAK Negeri Melaka, Pegawai-pegawai Kanan dan staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur saya kehadiran Allah kerana dengan izinNya dapat kita bersama dalam Majlis Anjung Bitara anjuran UTeM dengan kerjasama MUBARAK Negeri Melaka.

Majlis Anjung Bitara ini adalah satu majlis ilmiah dan bersifat akademik. Ini adalah kerana setiap hasil dari aktiviti penyelidikan, perundingan,

pengantarabangsaan dan pengajaran dan pembelajaran harus menjadi bahan yang perlu didokumenkan untuk tatapan golongan akademik dan umum yang bersesuaian bagi kesinambungan dan jangka hayat sesuatu penemuan ilmu, terutama sekali yang bersangkutan aspek kepakaran universiti iaitu kejuruteraan, teknologi maklumat dan pengkomputeran, keusahawanan dan pengurusan teknologi serta aspek pembangunan insan.

Yg Amat Berhormat Datuk Seri, Yg Berhormat Datuk, Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, dan hadirin sekalian,

Amalan institusi penggajian tinggi di Malaysia dan UTeM juga adalah ahli akademik harus memenuhi beberapa kriteria sebagai ahli akademik iaitu aspek pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, perundingan, penasihat, pengkomersilan dan penerbitan. Kriteria ini diambil kira permarkahannya semasa orientasi kenaikan pangkat ahli akademik atau dengan nama lain dipanggil Key Performance Indicator (KPI). Jadi bersesuaian dengan Majlis Anjung Bitara, pencapaian ahli akademik dalam aspek penerbitan ilmiah diraikan dan diiktiraf di peringkat universiti. Majlis

seperti ini juga diharap akan memberi inspirasi kepada semua ahli akademik untuk terus aktif dalam penerbitan ilmiah.

Universiti dengan prasarana yang ada sentiasa memberi sokongan dan galakkan kepada setiap ilmuan UTeM untuk berkarya sehingga terbitnya buku ilmiah. Ini secara langsung akan memberi kredit kepada KPI ahli akademik di mana pemarkahan bagi kenaikan pangkat diambil kira antaranya adalah hasil penulisan dan penerbitan di samping imbuhan seperti royalti penulisan untuk penulis. Justeru itu, saya kira penulis yang

aktif tidak akan rugi walaupun terpaksa mengharungi ranjau dan duri semasa menyiapkan sebuah penulisan ilmiah.

Universiti dalam melestarikan ilmu dan pengetahuan tinggi telah memberi penekanan kepada ahli akademik supaya mensasarkan penulisan jurnal berimpak tinggi tetapi ini tidak bermakna kita harus mengeneipkan penulisan dan penerbitan buku-buku bercetak. Ini perlu dilihat secara serius kerana ia akan memberi implikasi kepada imej universiti dalam mencapai ranking pengiktirafan di peringkat nasional dan dunia.



Dari aspek kesinambungan ilmu, usaha penulisan ini perlu digalakkan dan digiatkan kerana setiap hasil penemuan kajian tidak tamat di satu tahap sahaja tetapi sentiasa akan ada penambahbaikan untuk kesejahteraan manusia dan alam. Dengan itu, melalui penulisan dan dokumentasi hasil kajian akan menghidupkan ilmu dalam bidang tersebut. Hasil karya ini akan menjadi rujukan kepada pengkaji dan pakar dalam bidang tersebut.

UTeM juga telah menempah kejayaan dalam bidang penyelidikan yang boleh dibanggakan di peringkat nasional dan antarabangsa. Penerokaan dan penciptaan bercorak inovasi ini perlu dibukukan supaya kejayaan hari

ini dapat ditambah baik dengan penemuan yang lebih baik di masa akan datang oleh UTeM sendiri khasnya dan pengkaji lain amnya.

Universiti dalam usaha melestarikan aspek pembangunan ilmu kejuruteraan, tidak melupakan dan peka dengan perkembangan persekitaran dan cuba menyumbang kepakaran kepada keperluan setempat. YAB Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Ketua Menteri Melaka telah menyarankan supaya sumbangan dan jasa bekas-bekas wakil rakyat Negeri Melaka harus dibukukan. Dengan itu, lahir kerjasama antara Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan, UTeM dan MUBARAK negeri Melaka

melalui Penerbit Universiti telah berjaya menerbitkan 21 siri Biografi MUBARAK Negeri Melaka. Saya pasti pendokumentasian ini akan dihargai terutamanya segala sumbangan dan pengalaman ahli-ahli MUBARAK dalam kepimpinan negeri dan negara akan menjadi contoh tauladan dan kajian kepada generasi akan datang.

Yg Amat Berhormat Datuk Seri, Yg Berhormat, Tan Sri-Tan Sri, datuk-datuk, dan hadirin sekalian,

Saya ingin mengaitkan sejarah keagungan Islam beberapa abad terdahulu, tamadun Islam begitu cemerlang sehingga menyaingi kehebatan tamadun Mesir, Rom, Yunani dan Farsi. Kedatangan Islam telah menjadi penyelamat dan rahmat kepada manusia di dunia ini kerana bersamanya membawa akidah yang benar sebagai nur, sehingga mampu menguasai hampir dua pertiga dunia di zaman kemucak tamadunnya. Malangnya, disebabkan kekacauan minda di kalangan umat Islam di akhir

ketamadunan kerajaan Islam, maka kerajaan Islam Uthmaniah di Cordoba, Andalusia telah jatuh ke tangan orang lain.

Satu lagi peristiwa penting yang wajar kita renungkan ialah kejatuhan kerajaan Islam di Baghdad pada abad ke 10 Hijrah ditangan Barat. Penjajah bumi Iraq telah mencuri segala khazanah cendikiawan dan ilmuan Islam dan membawa balik ke Eropah yang pada waktu itu berada di zaman kegelapan. Maka dengan buku-buku ilmiah sains dan teknologi Islam bercahayalah bumi Eropah dan Barat dengan kemajuan dan ketamadunan sehingga ke hari ini.

Pengajaran dari sini bahawa kehebatan penulisan yang dihasilkan oleh ilmuan Islam satu ketika dahulu telah mencorakkan dunia Barat pada hari ini. Sebaliknya Negara Islam sendiri kebanyakannya ketinggalan. Jadi ini berbalik kepada Surah Al-Alaq ayat 1-5 yang mengajak kita untuk bukan sahaja membaca tetapi juga meneroka, mengkaji dan menganalisa sesuatu dapatan kajian dengan teknologi terkini. Aktiviti membaca ini sudah tentu memerlukan buku-buku yang berbentuk ilmiah supaya tamadun dan tokoh-tokoh ilmuan Islam seperti zaman kegemilangan Islam dapat diterjemahkan semula pada hari ini. Dengan itu, saya menyeru

semua ahli akademik UTeM untuk bersama menyahut seruan supaya memperbanyakkan penulisan dan penerbitan ilmiah demi memartabatkan nama penulis dan UTeM di peringkat nasional dan antarabangsa. Semoga nama kita juga akan tercatat dalam lipatan sejarah ketamadunan dunia.

Akhir kata saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak penganjur program yang telah berusaha gigih bagi menjayakan majlis pada petang ini. Ucapan terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Rustam, Ketua Menteri Melaka kerana telah sudi hadir, begitu juga kepada MUBARAK Negeri Melaka yang telah bekerjasama

dengan UTeM menerbitkan 21 siri Biografi tokoh-tokoh pimpinan Negeri Melaka. Dua rangkap pantun daripada saya untuk para hadirin:

Air melurut ke tepian mandi

Kembang berseri bunga senduduk

Elok diturut resmi padi

Semakin berisi semakin tunduk



Tumbuh melata si pokok tebu

Pergi pasar membeli daging

Banyak harta tak ada ilmu

bagai rumah tidak berdinding

Sekian. Wabillahitaufik wal hidayah wsm wrt wbkth